



## BERNAMA's post



BERNAMA

21h · 🌐



KEBAKARAN STOR: CECAIR HITAM DIPERCAYAI MINYAK DIKHUATIRI MENGALIR KE SELAT TEBRAU

**#JohorBahru** Cecair hitam dipercayai minyak dikesan mengalir keluar dari kawasan kebakaran stor penyimpanan lori dan minyak enjin di Jalan Cenderai, Taman Kota Puteri, Masai, ke parit berdekatan dan dikhuatiri hingga Selat Tebrau.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) Datuk Mohd Haffiz Ahmad berkata sebagai langkah awal pencegahan, pihaknya akan menggali kolam di lokasi kejadian untuk menyekat cecair terbabit daripada terus mengalir keluar.

Beliau berkata Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri akan memasang penghadang minyak di parit dan beberapa kawasan lain serta mengambil sampel bagi mengenal pasti kandungan cecair berkenaan.

"Jabatan Laut Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) pula akan membuat kawalan di hulu Selat Tebrau dengan memasang penghadang minyak bagi menyekat cecair daripada mengalir keluar ke laut," katanya kepada pemberita ketika meninjau lokasi kejadian hari ini.

Terdahulu, tinjauan Bernama mendapati cecair hitam yang mengalir keluar dari kawasan kebakaran itu mengeluarkan bau yang tidak menyenangkan sehingga menusuk ke hidung.

Berita penuh: <https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2436954>

📷 Nur Fatin Mohmad Kadenen | BERNAMA

**#BernamaNews**



Write a comment...

